



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

NOTA PERCAKAPAN

**YANG BERHORMAT
DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS MESYUARAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
BERSAMA EXCO-EXCO PERPADUAN NEGERI DAN
MENTERI PERPADUAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK
(MExUnity) BILANGAN 2 TAHUN 2023**

**16 OKTOBER 2023 (ISNIN)
2.30 PETANG – 5.30 PETANG
SERI PACIFIC HOTEL, KUALA LUMPUR**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Disediakan secara berasingan*

KATA-KATA ALUAN

1. Saya berasa amat gembira kerana dapat bertemu semula dengan YB Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan dan EXCO-EXCO Hal Ehwal Bukan Islam dalam Majlis Mesyuarat MExUnity pada hari ini.
2. Terima kasih kepada barisan ahli mesyuarat yang telah menjayakan Mesyuarat MExUnity Bilangan 1 Tahun 2023 di Kuala Lumpur pada 13 April 2023 yang lepas.
3. Terima kasih juga diucapkan kepada YB Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak, YB EXCO-EXCO Perpaduan Negeri dan EXCO-EXCO Hal Ehwal Agama Selain Islam atas kesudian hadir ke mesyuarat ini khususnya EXCO-EXCO baharu yang kali pertama hadir ke mesyuarat MExUnity.
4. Syabas dan tahniah kepada semua pihak atas kejayaan mengadakan Mesyuarat MExUnity yang kedua bagi tahun 2023.

5. Saya mengalru-alukan kehadiran sepuluh (10) ahli MExUnity yang baharu dilantik iaitu:
- i) YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat Negeri Pulau Pinang;
 - ii) YB Puan Lim Siew Khim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal-Ehwal Bukan Islam Negeri Pulau Pinang;
 - iii) YB Tuan Maliaman bin Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri Terengganu;
 - iv) YB Tuan Teo Kok Seong, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perindustrian dan Hal-Ehwal Bukan Islam Negeri Sembilan;
 - v) YB Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO Negeri Sembilan;

- vi) YB Datuk Haji Rizam bin Haji Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa dan Luar Bandar, Kemampanan Kampung Tradisi dan Perpaduan Nasional Negeri Selangor;
 - vii) YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Negeri Selangor;
 - viii) YB Dato' Hajah Halimaton Shaadiah binti Saad, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Wanita, Keluarga & Masyarakat dan Perpaduan Negeri Kedah;
 - ix) YB Tuan Wong Chia Zhen, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Masyarakat Cina, India & Siam dan NGO Negeri Kedah; dan
 - x) YB Tuan Zamakhshari bin Muhamad, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan & NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan.
6. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mengaturkan mesyuarat ini untuk menjana idea dan pemikiran yang lebih konstruktif agar dapat menjulang agenda perpaduan negara demi merakyatkan perpaduan selari dengan hasrat Kerajaan Perpaduan masa kini.

PENUBUHAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

7. KPN ditubuhkan semula pada 10 Mac 2020 setelah dimansuhkan pada tahun 1974 bagi memastikan agenda perpaduan dapat dikendalikan secara bersepada dan lebih tersusun.
8. Selaras dengan itu, **struktur jawatankuasa perpaduan sedia ada telah diperkuuhkan** melalui penubuhan **Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)** di peringkat kebangsaan sebagai satu badan yang bertanggungjawab menasihati Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan negara.
9. Di bawah MPPN, **terdapat dua (2) Jawatankuasa Perpaduan iaitu Majlis Mesyuarat MExUnity di peringkat Kementerian dan PADUNEGERI** yang ditubuhkan **di peringkat Negeri** masing-masing.

PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT MEXUNITY

10. Dalam tempoh 2020 hingga 2022, Majlis Mesyuarat MExUnity telah diadakan **sebanyak empat (4) kali iaitu dua (2) kali pada tahun 2020 dan masing-masing sekali pada tahun 2021 dan 2022.**

11. Mesyuarat pertama bagi tahun 2023 telah diadakan pada 13 April 2023 di Kuala Lumpur dan telah dihadiri oleh seramai 15 orang barisan EXCO.
12. Antara perkara utama yang telah dibincangkan melalui platform MExUnity adalah mengenai **dasar, isu dan cabaran perpaduan serta pelaksanaan inisiatif dan program-program Kementerian** di peringkat negeri bagi memastikan perpaduan negara terus dipelihara dan diperkuuhkan.
13. **Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** telah dihasilkan dan telah dilancarkan pada 15 Februari 2021.
14. **Tiga (3) Teras Utama Dasar Perpaduan Negara:**
 - i) Patriotisme dan Demokrasi;
 - ii) Identiti Nasional; dan
 - iii) Ekosistem Perpaduan.
15. Bagi menterjemahkan Dasar Perpaduan Negara ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** telah dihasilkan dan dilancarkan pada 18 November 2021.

KERANGKA MEMBANGUN MALAYSIA MADANI

16. KPN juga telah menghasilkan satu Kerangka Membangun Malaysia MADANI berkonsepkan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** bagi menyokong agenda membangun **Malaysia MADANI**.
17. Melalui Kerangka ini, **Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** diperkenalkan dengan **tiga (3) kluster program** iaitu:
 - i. **Semarak Kenegaraan**
Untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cinta kepada negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.
 - ii. **Semarak Perpaduan**
Untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya melalui program-program interaksi sosial.
 - iii. **Komuniti Rahmah**
Untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

18. Program-program yang disusun melalui 3 kluster tersebut dilaksanakan melalui **konsep Whole Government Approach** melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, NGO dan pihak swasta.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA PERPADUAN

19. Di bawah **flagship Kembara Perpaduan**, pelbagai program utama perpaduan telah dilaksanakan. Antaranya adalah seperti:
- i. Sambutan Minggu Perpaduan;
 - ii. Ini Warisan Kita;
 - iii. Wacana Perpaduan;
 - iv. Nostalgia Anak Kampung;
 - v. Liga Sukan Uniti;
 - vi. Galeri Uniti;
 - vii. Explorasi Rukun Negara;
 - viii. Hari Muzium Antarabangsa
 - ix. Projek Ekonomi Rukun Tetangga; dan
 - x. Program Tuisyen kepada anak-anak keluarga B40.

PELAKSANAAN PROGRAM WACANA PERPADUAN: MENDEPANI DEFISIT SOSIAL

20. Program Wacana Perpaduan telah diadakan pada 4 Julai 2023 bagi mengupas mengenai sepuluh (10) defisit sosial

yang telah dikenal pasti melalui kajian Indeks Perpaduan Negara (IPNas).

21. Kertas pembentangan dalam wacana ini disampaikan oleh para panel daripada pelbagai bidang termasuklah ahli akademik dari UKM, UTAR, wakil belia dari Majlis Belia Orang Asli Malaysia (MBOAM), juruterbang TUDM, pakar motivasi dan penulis skrip filem tempatan.

(Kertas makluman berhubung program wacana akan dibentangkan dalam mesyuarat ini)

PEMANTAUAN ISU PERPADUAN MELALUI SISTEM e-SEPAKAT

22. Kementerian juga sentiasa memantau isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat melalui sistem **e-SEPAKAT** yang dibangunkan sejak tahun 2010.
23. Berdasarkan hasil laporan daripada sistem tersebut, Kementerian mengambil langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden.
24. Sesi mediasi oleh Mediator Komuniti yang ditauliahkan oleh Kementerian turut dilaksanakan. Bagi kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan

Multimedia Malaysia (MCMC) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

25. Sistem e-SEPAKAT akan dinaiktaraf bagi meningkatkan lagi prestasi dan keupayaan dalam proses pemantauan isu.

(Kertas makluman berhubung sistem ini akan dibentangkan dalam mesyuarat ini)

PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA (RT) SEBAGAI PENGGERAK MASYARAKAT PROGRESIF

26. Pembangunan masyarakat progresif merupakan satu daripada komponen penting inisiatif **Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat MADANI** yang digariskan dalam **Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** iaitu RT akan diperkasa sebagai penggerak dan pengantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi.
27. Kementerian sedang meneliti **peranan RT yang dilihat ada pertindihan dengan** pertubuhan dan badan-badan yang lain melalui **kajian profiling** bagi menyelaras segmen luar bandar, pinggir bandar dan bandar.
28. Skop RT adalah lebih luas berbanding entiti lain seperti JPKKK atau JPKKP kerana di dalamnya terdapat beberapa buah

kampung dan secara puratanya 1,000 penduduk bagi satu-satu KRT. Oleh yang demikian, KRT sebagai badan sukarela dan *non-political*, boleh menjadi penyelaras dan penghubung kepada lain-lain agensi.

29. Sebanyak lapan (8) fokus inisiatif telah dirangka bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan RT sebagai entiti penting dan inklusif serta berupaya membangun masyarakat mampan dan progresif.

(Kertas Cadangan Pemerkasaan RT akan dibentangkan dalam mesyuarat ini)

PENUTUP

30. KPN **akan melaksanakan** beberapa program lain sebelum akhir tahun ini yang masih dalam perancangan akhir.
31. Saya mohon sokongan daripada semua **YB EXCO agar terus melaksanakan** program-program perpaduan mengikut kerangka Membangun Malaysia MADANI serta usaha pemantapan tadbir urus perpaduan terutamanya di peringkat negeri yang melibatkan pentadbiran daerah agar misi perpaduan dapat dibawa secara bersepadu di bawah pucuk pimpinan kerajaan semasa untuk kepentingan rakyat dan negara Malaysia.

32. Saya juga memohon kerjasama semua YB EXCO Perpaduan Negeri untuk **mengangkat perkara-perkara yang akan dibincangkan pada hari ini dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri** sekiranya perlu untuk mendapatkan kelulusan.
33. Saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat atas komitmen masing-masing dalam menjayakan mesyuarat ini.

Sekian, terima kasih.